

Usah culas periksa berita diterima

Pastikan maklumat diperoleh dan disahkan daripada sumber dipercayai

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my



Tabiat berkongsi maklumat dalam kalangan rakyat negara ini keterlaluan kerana tidak memeriksa kesahihan sumber dan status terlebih dahulu sebelum menyebarkan kepada orang lain.

Dr Sara Chinnasamy,
Penganalisis Politik
dan Media Sosial UiTM

Kuala Lumpur: Individu yang hanya menekan klik tetikus atau menekan butang kekunci dan baca tanpa memeriksa kesahihan berita di media sosial memberi gambaran seseorang itu tidak kisah status sumber dan fakta maklumat yang diterima.

Pensyarah Kanan Komunikasi Kesihatan Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Tham Jen Sern, berkata beliau kategorikan golongan sedemikian sebagai *clickism* yang merujuk kepada individu yang cenderung pentingkan klik berbanding memastikan kesahihan maklumat diterima.


“Apabila orang nampak berita di media sosial itu mendapat *like* dan *share* yang tinggi, semestinya ada yang anggap ia boleh dipercayai. Itu saya katakan mereka itu adalah *clickism*.

“Saya bagi contoh, katakan anda ambil swafoto dan kemudian muat naik di media sosial. Anda tengok ada berapa orang *like* dan juga tengok siapa yang *like*. Ini sebab kita nak dapatkan perhatian. Sama seperti berita palsu, ada yang buat untuk keseronokan dan cari perhatian sebab mahu jadi hebat dan sebagainya,” katanya kepada BH, semalam.

Jen Sern turut mencadangkan supaya satu kursus khas diperkenalkan misalnya di universiti seperti yang dilaksanakan di National University of Singapore (NUS) iaitu bagaimana untuk sahkan sesuatu berita dan kefahaman terhadap maklumat palsu.

“Di NUS mereka ada kursus khas yang mengajar pelajar tentang berita palsu. Mereka ajar macam mana untuk sahkan sesuatu berita dan apa itu palsu untuk tahu definisi sebenar. Ia dibawah jabatan komunikasi me-

BUKAN SEMUANYA BENAR DI INTERNET!
TIDAK PASTI, JANGAN KONGSI



SEBENARNYA.MY
Tidak Pasti Jangan Kongsi

BERITA TERKINI

TERDAPAT SEKATAN
PAHLUAN KELUAR SEMPADAN NEGERI
TIADA ARAHAN JALAN RAYA DI
SELANGOR

TABRI Julai, 2020

reka,” katanya.

Sementara itu, Penganalisis Politik dan Media Sosial Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Madya Dr Sara Chinnasamy, berkata antara langkah yang boleh diamalkan bagi menghindar dari terjerumus sebagai mangsa saran berita palsu adalah mengkaji sumber dan siapa yang terbitkan maklumat itu.

“Jangan malas untuk periksa dan sahkan semula sama ada maklumat berkenaan wujud atau tidak di laman web terbit. Ke-

dua, elak memperoleh maklumat dari sebarang kumpulan atau menjadi ahli kumpulan rakan kepada rakan yang anda pun tidak pasti mengenai atau mengenali mereka.

“Maksudnya pastikan anda memperoleh maklumat daripada sumber boleh dipercayai seperti agensi kerajaan, kementerian dan media arus perdana. Rajin-rajinlah memanfaatkan teknologi seperti enjin pencarian Google untuk mencari kesahihan maklumat yang pelik,” katanya.